

U B911 BAH
MAHATHIR - SIASAT

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENYIASAT PUNCA KEWANGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG DIDAPATI BERBELANJA TERLALU BESAR DALAM KEMPEN-KEMPEN MEREKA SEJAK AKHIR-AKHIR INI, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, PENYIASATAN ITU AKAN DIBUAT SEBAIK SAHAJA KERAJAAN MENDAPAT ADUAN MENGENAINYA.

+SAYA INGIN MEMBERI JAMINAN BAHAWA SAMA ADA KERAJAAN AKAN DITUDUH MEMPUNYAI KEPENTINGAN POLITIK ATAU TIDAK, KAMI TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG (TERHADAP PARTI POLITIK BERKENAAN),+ JELAS PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO DI SINI.

BELIAU BAGAIMANAPUN ENGGAN MENYATAKAN APAKAH TINDAKAN UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIAMBIL OLEH KERAJAAN.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, SETAKAT INI ADA KALANGAN ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO YANG MULA MENYOAL TENTANG APAKAH KERAJAAN AKAN MENYELIDIKI PERBELANJAAN BESAR OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEPERTI PARTI SEMANGAT 46, DAP DAN PAS SEJAK DUA TAHUN KEBELAKANGAN INI. -- LAGI.

1539MST 17 03 90

U B912 BAH
MAHATHIR - SIASAT 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA BAHAWA JIKA SEKALIPUN PUNCA KEWANGAN PARTI-PARTI BERKENAAN, TERUTAMANYA YANG DATANG DARI LUAR NEGERI, TIDAK BERSALAHAN, KERAJAAN TETAP PERLU MENGETAHUI MENGENAI SUMBER-SUMBER KEWANGAN BERKENAAN.

APABILA DITANYA TENTANG ANGGARAN PERBELANJAAN YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR HANYA BERKATA: +BANYAK JUTA YANG TELAH MEREKA BELANJAKAN.+

MENGENAI PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 3,000 ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO DARI SELURUH NEGARA ITU, BELIAU BERKATA BAHAWA MEREKA PERLU MEMPERBAIKI USAHA BAGI MEMASTIKAN KEMENANGAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN BERPUAS HATI DENGAN SEMANGAT YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH PARA ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA ITU.

MEREKA YANG MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU, YANG DIADAKAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, ANTARA LAIN, TELAH DIBERIKAN PENERANGAN TENTANG STRATEGI UMNO BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM ITU.

YANG TURUT SAMA MEMBERIKAN PENERANGAN DALAM PERJUMPAAN ITU IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA DAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, DATUK SERI NAJIB TUN ABDUL RAZAK. -- BERNAMA.

1541MST 17 03 90